

Bab 7

Ciri-ciri Kesenian Sastera Cina Sarawak 1950-1962

Para penulis yang menghasilkan karya sastera pada tahun 50-an dan 60-an sememangnya menunaikan tanggungjawab sosial semasa. Mereka mengambil berat tentang nasib rakyat dan negara. Dalam karya masing-masing, mereka melahirkan rasa tidak puas hati rakyat. Penulisan mereka juga mencerminkan aspirasi rakyat. Ciri tersendiri karya mereka ialah karya tersebut penuh dengan semangat berkobar-kobar yang mencerminkan semangat patriotik dan berteraskan pemikiran.

Ciri utama kesusasteraan pada zaman ini ialah bersifat praktis dan politik. Para penulis telah menghasilkan rencana yang mengandungi unsur revolusi. Dari segi teori kesusasteraan, walaupun para penulis mementingkan pemikiran dan kepadatan isi kandungan kesusasteraan itu, tetapi ini tidak bermakna ciri-ciri kesenian diabaikan. ZhuoYang 卓扬 dalam artikelnya yang berjudul “Tan wenxue de xingshi” 谈文学的形式 (Pembicaraan tentang Bentuk Kesusasteraan) berkata:

Kita mesti menolak sikap yang memandang rendah terhadap isi kandungan yang bercorak pemikiran dan kebenaran. Selain itu, kita juga mesti menentang sikap yang memandang rendah terhadap bentuk ukiran yang bercorak menarik tetapi menitikberatkan aspek isi kandungan yang bercorak politik. Sebaliknya kita bukan sahaja mahu menekankan aspek pemikiran dan isi kandungan yang halus lagi padat untuk mencerminkan realiti hidup, tetapi juga menekankan bentuk kesusasteraan yang beraneka ragam dan paling sesuai untuk menyatakan kebenaran hasil karyanya di samping menggambarkan pemikiran dan perasaan penulis dengan hidup dan nyata (Akhbar Awam, Ruang Kesusasteraan Rejang 4 5.3.1957: 3).

Para penulis sedar bahawa aspek pemikiran sesuatu karya kesusasteraan tidak

bercanggah dengan aspek kesenian. Demi memenuhi kehendak kesusasteraan supaya mencerminkan realiti hidup dan revolusi, aspek pemikiran biasanya ditonjolkan dalam karya mereka. Akan tetapi, aspek kesenian tidak diabaikan. Sebab itulah bab ini bertujuan untuk meninjau ciri-ciri kesenian Sastera Cina Sarawak hasil daripada pengaruh latar belakang masyarakat Cina Sarawak.

7.1 Penonjolan Unsur Zaman yang Nyata

Pada tahun 50-an dan 60-an, bahan untuk penulisan karya sastera biasanya berpunca daripada kehidupan sebenar. Karya penulis benar-benar mencerminkan realiti hidup ketika itu. Tambahan pula, isi kandungan karya yang berunsur tempatan selalunya ditekankan oleh para penulis. Oleh itu, apa yang dicerminkan dalam hasil karya mereka ialah denyutan antara perasaan cintakan sastera dengan kehidupan zaman itu. Ini jelas menunjukkan bahawa penonjolan ciri-ciri zaman begitu nyata dan kuat. Misalnya dalam sajak Meng Jie 萌洁 yang berjudul “Women laidao shangang shang” 我们来到山岗上 (Kita telah Tiba di Puncak Bukit):

Tanah di tanah air gersang

Pemandangannya tidak indah?

Kau lihat

Tanaman, kampung terpencil dan sungai di kawasan ini

Kawasan hutan yang luas

Bukankah tanah air kaya dengan sumber alam

Gunung-ganang dan sungai yang indah?

Sang suria yang baru terbit di timur
Menyinari ladang getah yang rendang
Kepulan embun yang tebal telah berselerak
Di depan mata terhampar padang lapang yang indah
Ya
Bukit yang kecil terpacak di atas bumi pertiwi
Ibarat seorang askar yang tegap
Menjaga setiap inci ibu pertiwi
Kau, aku, dia dengan hati yang melonjak-lonjak
Berlari ke arah bukit
Biarlah kami di atas bukit ini
Berbual-bual dan gelak-ketawa dengan riang
Kau dengar
Tubuh badan ibu telah diseksa dengan kejam
Kubu kebudayaan bangsa telah dimusnahkan!
Bencikah?
Tidak!
Kami memekik-mekik dengan suara yang tegas
Ibarat guruh di langit
Menggegarkan seluruh anak bukit dan bumi
Tangankau, tanganku, tangannya
Kami menggenggam penumbuk dan mengangkatnya
Menjadi tangan yang besar

Memusnahkannya

Musuh ibu (S72)

Intonasi sajak ini begitu berkobar-kobar, begitu pilu dan meradang. Apabila dibaca, darah dalam badan kita meluap-luap. Isi kandungannya ialah menyanjung tinggi keindahan semula jadi tanah airnya mudah-mudahan dapat menimbulkan kesedaran terhadap keunggulan kebudayaan dan dapat mengalahkan penjajah. Tujuannya ialah untuk menggalakkan kita berfikir, iaitu alam semula jadi tanah air kita begitu indah, sampai hatikah kita melihat orang asing memerintah kita?

Dua unggaan sajak, iaitu “Tubuh badan ibu telah diseksa dengan kejam. Kubu kebudayaan bangsa telah dimusnahkan,” mencerminkan bahawa masyarakat Sarawak telah menghadapi penindasan kuasa asing. Penyajak dengan suara yang geram melaungkan, “Kita memekik-mekik dengan suara yang tegas.” Bukankah ini suatu seruan yang paling lantang pada zaman itu? Gejala masyarakat di luar telah turut membangkitkan perasaan dalam lubuk hati penyajak. Hasil karya itu memang merupakan luahan isi hati penyajak. Persekitaran pada zaman itu merupakan saluran untuk meluahkan perasaannya. Maka, pelbagai jenis emosi, iaitu riang, marah, dan sedih yang dinyatakan itu sesungguhnya lantang dan mendalam, terpapar gema zaman di seluruh sajak. Demikian juga dengan sajak yang berjudul “Heping ge” 和平鸽 (Burung Merpati Aman) yang dikarang oleh Yun Hui 云辉:

Burung merpati aman - Kamu adalah askar rakyat

Kamu merupakan lambang keamanan

Kamu membawa kebahagiaan dan kebebasan kepada kita

Demi kita
Orang ramai menyumbangkan kemudaannya
Untuk menukar kehidupan yang bahagia
Kita — rakyat Sarawak
Adalah begitu
Mengidamkan kedatanganmu.....
Burung merpati aman – kamu adalah askar rakyat
Kamu adalah lambang keamanan
Kita menyambut kedatanganmu
Kedatanganmu
Akan membawa kebahagiaan kepada kita
Kamu
Membawakan lagu kebahagiaan dan keamanan
Tersebar ke seluruh dunia
Membangkitkan
Orang ramai yang baru bangun daripada tidur
Menyemarakkan
Orang ramai mara ke depan (S73)

Fokus pembicaraan sajak ini ialah menggalakkan rakyat Sarawak mengejar kebahagiaan dan kebebasan. Kebebasan dan kebahagiaan merupakan dua perkara utama yang diidam-idamkan oleh kebanyakan orang pada masa itu. Kata-kata slogan ini sebenarnya bukan bahasa kesusasteraan. Akan tetapi bagi mereka pada zaman itu,

sajak ini dapat membangkitkan perasaan bersama disebabkan pengalaman dan perasaan mereka yang lebih kurang sama. Kedua-dua sajak tersebut benar-benar mencerminkan isi hati dan aspirasi rakyat. Menurut Rencana Tixing 体性篇 dalam *Wenxin Diaolung* 文心雕龙 (Teori Kesusasteraan) oleh Liu Xie 刘勰 (465-522),

Perasaan dan fakta merupakan benda yang implisit sebelum ia dilahirkan. Akan tetapi apabila ia dilahirkan dengan bahasa dan tulisan secara luaran, ia merupakan eksplisit. Segala ungkapan yang dilahirkan secara luaran juga mencerminkan perasaan hati seseorang. Ini bermaksud menggabungkan susuk ayat dengan perasaan hati seseorang penulis.

Petikan ini jelas menunjukkan kaitan antara pencapaian dalam bidang kesusasteraan dengan keperibadian seseorang penulis. Ini bermaksud gaya penyampaian seseorang penulis terpengaruh oleh sifat individu dan persekitaran luarnya. Pada zaman yang penuh dengan pancaroba ini, penglibatan dalam revolusi sering merupakan tugas utama para penulis. Hasil karya mereka tentu dicap dengan tanda zaman. Fikiran, pengalaman, sikap, estetik dan citarasa seperti yang terkandung dalam karya penulis jelas mencerminkan kehendak rakyat terhadap zaman itu.

7.2 Penggunaan Imejan

Penciptaan karya kesusasteraan merupakan kelahiran segala gejala dalam lubuk hati, di samping menggunakan bahasa untuk menginterpretasikan simbol dalaman. Inilah yang dimaksudkan pembentukan imejan kesusasteraan. Menurut Encik Wang Mengou 王梦鸥 (1995: 166) maksud imejan ialah

Perasaan yang lepas atau kemunculan semula pengalaman yang diketahui atau teringatkan gejala dalam jiwa.

Terdapat juga imejan yang muncul berulang kali dalam hasil karya kesusasteraan pada tahun 50-an dan 60-an. Ini disebabkan pengaruh faktor sosio-budaya ketika itu yang seterusnya merupakan suatu kesedaran kumpulan sosial. Di bawah pengaruh pemikiran sosial ini, pencipta karya menimbulkan semula segala perasaan yang membara terhadap seluruh masyarakat itu dalam karya mereka. Melalui susunan perkataan, pengalaman itu digambarkan melalui penggunaan imejan kesusasteraan. Berikut diberi beberapa contoh perkataan yang kadar kekerapannya paling tinggi muncul dalam sajak pada zaman tersebut.

7.2.1 Tidur

- (a) Ah, hutan-rimba negeri Borneo yang luas dan dalam
Telah *tidur* di bawah sayap malam yang misteri (S74)
- (b) Usah mengejutkan dewi yang sedang *tidur* di hutan yang luas
Shi, awak dengar dia sedang berbisik sendirian
Sendirian dalam *tidur* yang nyenyak
Seolah-olah ada hal yang tidak menyenangkan mengganggu hatinya (S74)
- (c) Awak telah *tidur*, dari pinggir gelap yang kuno
Awak telah *tidur*, tetapi bumi yang besar ini masih mara ke depan (S15)
- (d) Bagaimana awak dapat *tidur* dengan tenteram
Tidur dengan lena di suatu sudut bumi Asia (S15)

Tidur bermaksud berada dalam keadaan tenteram seperti binatang memencilkan diri dan tertiarap di situ. Segala aktiviti telah terhenti. Apa yang digambarkan ialah suatu gaya tidur yang nyenyak dan berpuas hati dengan suatu situasi yang tidak berubah. Sarawak mempunyai hutan semula jadi yang beratus-ratus tahun lamanya. Selepas kedatangan James Brooke, barulah ia diterokai dan dibangunkan. Sebenarnya, saiz penerokaan dan pembangunannya tidak berapa besar sehingga selepas perjanjian ditandatangani antara Huang Naishang dengan Raja. Selepas dibawa masuk orang Fuchow untuk meneroka Sibu, barulah ada perubahan berlaku di Sarawak.

Akan tetapi pembangunan sedemikian masih terhad, terutamanya rakyat Sarawak masih ketinggalan dari segi penerimaan pemikiran moden yang biasanya dibawa masuk dari Semenanjung Malaya ke Sarawak secara tidak langsung. Pemikiran berhaluan kiri meresap ke dalam masyarakat Sarawak ketika itu. Para penulis Sastera Moden juga turut mengembangkan pengaruhnya pada masa itu, terutamanya pengaruh Lu Xun terhadap mereka adalah lebih besar. Dalam pendahuluan karyanya yang berjudul *Nahan* 呐喊 (Laungan), Lu Xun pernah menyebut,

Untuk membangkitkan pemahaman dan kesedaran rakyat terhadap ciri asas masyarakat pincang, mereka harus bangun dan sedar serta tidak lagi tidur dengan nyenyak (1977: 8).

Seruan Lu Xun sedemikian bukan sahaja menular dalam masyarakat Cina, bahkan juga tersebar ke dalam masyarakat Sarawak. Penyebaran fahaman tersebut telah membebaskan rakyat Sarawak daripada situasi pemikiran yang tertutup. Penyajak menyeru rakyat supaya tidak lagi tidur lena dan tidak lagi hidup segan mati tak mau di

tengah-tengah seruan reformasi.

7.2.2 Mimpi

(a) Er, er, dia mengeluh sekejap

Pasti *bermimpi* alamat yang sial (S74)

(b) Berambus, berambus, ngigauan yang mengganggu *mimpimu*

Hutan kembali membisu secara beransur-ansur (S74)

(c) Syaitan merempuh masa

Membangunkan aku daripada *mimpi* (S44)

(d) Adakah dia teringat akan *mimpi* dahulu? (S75)

Penyajak cuba memaparkan suatu fenomena jiwa melalui gambaran mimpi. Sebenarnya perkataan *mimpi* telah lama muncul dalam sajak tradisi Cina seperti Zhuang Zhou 庄周 (SM369-286) *bermimpi* rama-rama dan Mimpi Huangliang 黄梁之梦 serta lain-lain lagi.

Penyajak cuba menyampaikan suatu konsep atau idea melalui bentuk mimpi dalam sajak mereka. Idea ini mungkin merupakan suatu luahan isi hati secara melulu atau ditimbulkan oleh suatu rangsangan luar. Perkataan mimpi dalam sajak di atas merujuk kepada ngigauan. Dalam ayat pertama digambarkan penyajak *bermimpi* alamat yang sial. Dalam ayat kedua digambarkan ngigauan mengganggu tidur penyajak. Dalam ayat ketiga digambarkan penyajak dikejutkan oleh syaitan. Ini jelas menunjukkan bahawa penyajak itu berada dalam keadaan yang tidak tenteram.

Keadaan ini telah mengganggu ketenteramannya sehingga emosinya terganggu. Mimpi yang mengerikan ini memaparkan suatu konflik jiwa yang hebat (Shen Jinhui 沈锦惠 1983: 103). Perkataan *mimpi* dalam ayat ketiga merujuk kepada suatu impian yang indah dan aman. Malangnya, ia telah dikejutkan dengan tidak disangka-sangka, dan penyajak telah menggambarkan mimpi sebelum ajal. Selepas terjaga daripada mimpi, realiti hidup itu masih pahit. Perasaan hatinya begitu bergolak. Kesannya terhadap pembaca juga begitu mendalam.

Gerakan menentang penjajah telah membangkitkan semangat dan hasrat penyajak terhadap kebebasan. Keadaan ini telah menggalakkan pertumbuhan kesedaran politik di kalangan rakyat. Faktor realiti luaran ini telah menghebatkan konflik dalaman dan menyebabkan penyajak memaparkan keadaan ini melalui mimpi sendiri. Lambang mimpi telah digunakan untuk mencerminkan konflik dengan tujuan untuk membangkitkan kesedaran rakyat terhadap perubahan persekitaran. Mereka tidak lagi setakat berpuas hati dengan kehidupan yang mewah.

7.2.3 Mengejutkan

(a) Mereka menyerang Kuching tengah malam

Serangan mendadak *mengejutkan* orang putih yang berada di tengah-tengah mimpi
(S28)

(b) Monyet juga bangun dari tempat tinggal lamanya

Berbunyi-bunyi untuk menyebarkan ketakutannya

Seolah-olah mahu *mengejutkan* orang hutan dalam hutan-rimba

Biarlah mereka merampas, ketenteraman yang terakhir (S28)

(c) Pada masa kini yang kedengaran guruh menderam di langit

Akhirnya ia *mengejutkan* kesedihanmu yang beratus-ratus tahun lamanya (S14)

(d) Telah *mengejutkan*

Saudara kaum Dayak di rumah panjang

Saudara kaum Melayu di kampung (S66)

(e) Telah *mengejutkan*

Orang yang baru bangun daripada tidur (S73)

Seruan merupakan syarat utama kepada kesedaran. Dengan adanya rangsangan seruan, barulah sedar semula. Seruan penyajak semata-mata untuk menyedarkan rakyat dan menyebabkan tanah besar ini sedar. Yang dimaksudkan *mengejutkan* merupakan suatu proses kesedaran. Kesedaran sedemikian merupakan hasil selepas mimpi. Kesedaran penyajak berlaku kerana perkembangan keadaan semasa. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Sarawak, bahkan juga di seluruh dunia. Pembebasan pemikiran rakyat mesti dilakukan terlebih dahulu demi mencapai pembebasan negara.

Dalam konteks ini, kesusasteraan berfungsi untuk menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat. Ini akan dapat membebaskan rakyat daripada situasi kehidupan yang tidak aman sehingga mencapai matlamat kesedaran diri. Oleh itu, “kesedaran” bermaksud dapat memahami segala yang sudah lepas di samping membebaskan diri daripada pemikiran kolot, dan seterusnya memulakan kehidupan yang baru. Berikutan perubahan keadaan alam sekeliling, maka pemikiran dan

perasaan manusia juga perlu berubah. Dengan cara yang sedemikian, barulah dapat Sarawak maju ke hadapan.

7.2.4 Ibu

(a) Tubuh badan *ibu* mengalami penyeksaan yang kejam

.....

Anak kepunyaan *ibu*

Tidakkah kamu berasa sakit hati dan benci (S72)

(b) Kita mencengkam penumbuk sambil mengangkatnya

Menjadi sebelah tangan yang besar,

Tumpaskannya musuh *ibu* (S72)

(c) Wahai *ibu*!

Kamu tidak akan menyalahkan anakmu yang mementingkan diri!

Mereka tidak dapat menyelamatkan kamu daripada kesengsaraan (S58)

(d) Memberi tabik kepada kamu

Rakan yang disayangi

Mengucapkan terima kasih kepada kamu

Atas hadiah yang diberi kepada *ibu* (S77)

Selepas bangun daripada mimpinya, barulah masyarakat Sarawak sedar bahawa Sarawak merupakan kampung halamannya. Tema sajak di atas adalah berkenaan dengan kerinduan terhadap kampung halaman dan ibunya. Ibu dan kampung halaman

Darah orang (S78)

Maksud lambang *darah* merujuk kepada semangat hidup yang berkobar-kobar dan cergas. Badan sesiapa yang tanpa darah biasanya pucat lesi malah ketiadaan harapan untuk terus hidup. Dalam ayat pertama yang berbunyi “darah telah dihisap” , penyajak mengibaratkan penjajah British sebagai pontianak yang habis menghisap dan memerah darah segar rakyat Sarawak. Rangkap kedua bermaksud pesakit yang kehilangan darah itu dapat diselamatkan selepas disuntik darah baru. Keadaan ini menggambarkan masa depan tanah air yang telah sampai ke peringkat berbahaya. Oleh itu, darah baru perlu disuntik ke dalamnya. *Darah* di sini bermaksud *Hidup*. Dalam rangkap ketiga, *Darah* para pejuang dilambangkan sebagai perjuangan untuk terus hidup dan lambang ini dikembangkan menjadi sumber semangat perjuangan untuk generasi akan datang.

Penggunaan imejan seperti *Tidur*, *Mimpi*, *Mengejutkan*, *Ibu* dan *Darah* dalam karya kesusasteraan mencerminkan latar belakang khasnya masyarakat pada zaman itu. Penulis sedar bahawa adalah perlu menimbulkan kesedaran perjuangan di kalangan masyarakat demi mencapai matlamat perjuangan. Imejan yang tergambar dalam hasil karya mereka berasaskan perasaan mendalam terhadap zaman itu. Gejala luaran telah menggalakkan pertumbuhan pemikiran dan kesedaran di kalangan para cendekiawan. Untuk menyebarkan pemikiran ini, mereka mesti mengakui Sarawak sebagai ibu, di samping memastikan darah Sarawak tidak diperah. Dengan lantanganya mereka menyeru rakyat supaya bangun dan sedar. Kesedaran sedemikian biasa muncul di kalangan cendekiawan. Oleh itu, imejan sedemikian banyak terpapar dalam karya-

karya kesusasteraan.

7.3 Bahasa yang Mendatar dan Mudah

Pada tempoh ini, bahasa yang digunakan dalam karya kesusasteraan sangat mudah. Tidak ada sebarang ayat yang indah atau berbunga-bunga. Malah karya yang bertemakan cinta juga tidak diterima. Permainan bahasa yang tidak bermakna juga dikecam. Para penulis tidak akan menggunakan kata-kata indah untuk menggambarkan sesuatu. Maka, terbentuklah gaya bahasa yang mudah dan ringkas. Dalam rencana yang berjudul “Guanyu xin xianshi zhuyi” 关于新现实主义 (Tentang Neo-Realisme), Xiao Liang 萧亮 pernah menyebut,

Bahasa yang digunakan bukan merupakan susunan kata-kata indah tetapi merupakan penggunaan bahasa lisan rakyat. Kedua-dua aspek iaitu aspek penilaian dan aspek kesenian dititikberatkan (Akhbar Awam, Ruang Kesusasteraan Rejang 12).

Pada asasnya, fahaman realisme menegaskan bahawa kesusasteraan itu mencerminkan keadaan hidup golongan pekerja. Untuk memenuhi kehendak estetik golongan pekerja, bahasa yang digunakan mesti mendekati orang awam, iaitu ringkas dan jelas. Kalau kita meninjau penggunaan bahasa dalam karya Sastera Cina Sarawak, didapati penguasaan bahasa di kalangan penulis masih belum sampai ke tahap kematangan, iaitu belum lagi mencapai tahap yang memuaskan.

Sebenarnya dalam bidang kesusasteraan, tuntutan terhadap bahasa itu sangat tinggi. Sebagai contoh, sajak merupakan kesenian bahasa yang paling tinggi. Ai Qing pernah mengatakan bahawa sajak merupakan bahasa kesenian, iaitu bahasa yang paling

tinggi dan paling murni (1995: 32). Bahasa sajak halus dan implisit. Ia berlainan daripada bahasa novel dan prosa. Akan tetap penulis 50-an dan 60-an banyak menghasilkan sajak yang bahasanya bercorak prosa. Dari segi pemilihan kata, ia masih belum ke tahap ringkas dan murni. Walaupun para penulis sengaja cuba membuat penggambaran bercorak kesenian, tetapi kebolehan mengolah dengan perkataan yang ringkas masih tidak memadai. Segala-galanya disampaikan dengan perkataan yang mudah dan jelas. Dengan kata yang lain, para penulis tidak memberi ruangan imaginasi kepada para pembaca. Mereka juga tidak dapat melakukan penghasilan karya yang bersifat kreatif.

Selain bahasa yang bercorak prosa, pemilihan perkataan yang tidak tepat juga merupakan salah satu kelemahan yang nyata. Bahasa sajak seharusnya ringkas. Sekiranya terdapat terlalu banyak ayat yang meleret panjang, ia akan menjejaskan keindahan sajak secara keseluruhan. Jika kita mengkaji karya penulis pada masa 50-an dan 60-an, di bawah suasana kesusasteraan ketika itu, didapati tahap penciptaan masih belum sampai ke tahap yang matang, iaitu sukar untuk mengharap bahasa kesusasteraan yang bertaraf tinggi. Yang pertama, kebanyakan penyajak pada masa itu merupakan pelajar yang dalam lingkungan umur puluhan hingga dua puluhan. Mereka menghasilkan sajak dengan semangat yang berkobar-kobar dan penuh misi. Mereka kurang arif tentang kesusasteraan. Mereka cenderung meniru teknik mengolah penyajak pujaan mereka di samping merujuk buku kesusasteraan untuk menimba teori mencipta sajak. Yang kedua, mereka tidak mencipta untuk kesenian tetapi untuk menyebarkan pemikiran tertentu. Oleh itu, karya-karya tersebut ketiadaan ayat yang indah dan lagu yang indah, malah ketiadaan konsep kesenian yang indah. Maka hasil

karya mereka tentulah tidak dapat memberi nikmat kesenian kepada para pembaca.

Kekurangan kebolehan mencipta kesenian di kalangan penyajak berpunca daripada kelemahan penguasaan bahasa. Hanya melalui penciptaan bahasa yang hidup dan tepat, barulah dapat gambaran kesenian yang jelas. Penggunaan perkataan yang kaku dan statik hanya menyebabkan karya-karyanya tidak menarik dan membosankan. Setelah memahami gejala ini, orang terkemudian akan dapat memajukan diri berasaskan orang terdahulu.

7.4 Pelbagai Gaya Penyampaian

Pada asasnya, penulis Sarawak cenderung mempelajari teknik penyampaian daripada penulis Sastera Cina Modern, terutamanya melalui peniruan karya mereka. Melalui tinjauan terhadap karya penulis Sarawak, didapati penyajak juga mencuba teknik baru iaitu suka menggunakan cara ulangan perkataan untuk menonjolkan temanya, iaitu kata utama diulangi atau dibaca bersuara beberapa kali untuk menguatkan perasaannya. Misalnya dalam sajak Ouyang Liu yang berjudul “Dang wo jijing de shihou” 当我寂静的时候 (Apabila Saya Kesunyian), ungkapan “Dang wo jijing de shihou” telah diulangkan beberapa kali dan ia merupakan jiwa seluruh sajak. Ia mengisahkan reaksi emosi penyajak ketika sunyi dan sepi.

Selain itu, penulis juga menggunakan salah satu jenis bentuk retorik iaitu perbandingan selari untuk menguatkan kesan perasaannya. Misalnya dalam sajaknya yang berjudul “Oushi sanpian” 偶拾三篇 (Tiga Karangan Kutipan tidak Sengaja), Wu An pernah menyebut,

Ahmad, Oh Ahmad, mengapakah awak berjalan atau berlari ke sana sini?
Ahmad, Oh Ahmad, mengapakah awak membotakkan kepala awak? (1988: 26)

Ayat ini menggunakan perbandingan selari untuk bertanya demi mengisahkan keadaan Ahmad. Penggunaan bentuk retorik ini lebih kurang sama dengan teknik penyampaian penulis 4 Mei. Misalnya dalam sajak Xu Zhimo yang berjudul “Zaibie kang qiao” 再别康桥 (Selamat Tinggal Kangqiao) terdapat satu ayat yang berbunyi,

Saya meninggalkan tempat ini secara senyap-senyap umpama kedatangan saya juga secara senyap-senyap. Saya melambai-lambaikan tangan dan tidak mengucapkan selamat tinggal kepada awan yang berwarna di langit barat

Demikian juga dengan ayat terakhir yang berbunyi,

Saya meninggalkan tempat ini secara senyap-senyap umpama kedatangan saya juga secara senyap-senyap. Saya melambai-lambaikan lengan baju dan tidak membawa sebarang awan yang berwarna (Yang Mu, Zheng Shusen, 杨牧, 郑树森 1991: 25).

Ayat-ayat ini merupakan contoh ayat yang berbentuk perbandingan selari. Demikian juga Wen Yiduo 闻一多, dalam sajak yang berjudul “Hongzhu” 红烛 (Lilin Merah) oleh rangkaikata “Ah, Lilin Merah” telah diulangi dalam bahagian pembukaan setiap perenggan. Gaya penyampaian sedemikian suka ditiru oleh penyajak Cina Sarawak. Contoh-contoh yang lain adalah seperti berikut:

(a) *Ah*, minyak wangi sungguh memabukkan orang

Skirt kasa yang jarang

Tersembunyi di bahagian dada yang tinggi dan gebu

Kot yang berbulu dan menarik

Kasut kulit yang berkilat-kilat

Lemah-lembut yang melampau

Layanan istimewa di atas bekas perak (S79)

(b) *Ah! Lalat*

Biarlah saya memberitahu awak

Jika awak lebih pandai terbang daripada rama-rama

Jika awak lebih pandai menyanyi daripada burung Warbler

Saya juga tidak akan suka akan awak (S80)

(c) Satu kelibat

Memasuki lubuk hatiku

Secekek nyanyian

Berlegar-legar di kepala

Ah, awak

Pasti awak

Saya dapat mengecamkan kelibat awak

Saya dapat mengecamkan suara lagu awak (S81)

(d) *O*, masa itu telah lama dan jauh

Kelaparan dan ketakutan sedang memburu awak

Ah, samudera, pada masa ini aku sedang mendengar kebisingan awak

Biarlah angin laut meniupkan kesedihan yang menyelubungiku siang malam

O, samudera, awak memancarkan sinar yang gilang-gemilang

Mencurah siang malam sambil menghempaskan tebing tinggi laut

O, samudera, nyawa awak yang berpanjangan selama-lamanya

Bolehkah memberitahu saya maksud yang mendalam? (S33)

(e) Aku telah kembali

Berpijak di jeti

Menuju ke jalan

Menghempaskan diri ke pangkuan ladang getah dengan tidak sabar (S82)

Dari segi teknik, penyajak Cina Sarawak sengaja meniru ciptaan sajak bentuk bebas yang agak popular pada peringkat awal 4 Mei, terutamanya dalam aspek susunan struktur ayat. Dalam sajak di atas, didapati teknik yang digunakan, seperti dua bentuk retorik iaitu perbandingan selari 排比, dan ulangan rangkai kata 反复 biasa digunakan. Kata struktur 虚词, kata kerja 动词 dan sebagainya juga digunakan dalam pembentukan ayat. Di antaranya, perbandingan selari paling banyak digunakan. Tujuannya ialah untuk menguatkan kesan iramanya. Penggunaan kata struktur seperti *e* 呢, *ah* 啊, *Oh* 哦 dan *le* 了 yang muncul dalam sajak sebenarnya bertujuan untuk menguatkan perasaan. Akan tetapi kegagalan penguasaannya telah merosakkan kecantikan sajak tersebut. Kata kerja seperti “Toujin” 投进 (Memasuki), “Yingrao” 萦绕 (Berlegar-legar), “Tashang” 踏上 (Berpijak) dan “Zoushang” 走上 (Berjalan Menuju) digunakan untuk memadankan barisan ayat itu dan untuk menguatkan kesan iramanya. Percubaan untuk menggunakan gaya penyampaian sedemikian memang merupakan satu gejala biasa dalam proses penghasilan karya.

Selain bentuk bebas, penulis Cina Sarawak juga meniru bentuk sajak yang

berirama yang menitikberatkan kesan muzik dan irama. Ini adalah hasil pengaruh penyajak 4 Mei yang menganjurkan bentuk sajak yang berirama. Mereka juga sengaja meniru tradisi puisi lama Cina. Misalnya dalam sajak Wu An yang berjudul “Zu guo” :

Semboyan kapal memecahkan udara yang sunyi
Subuh bulan Mei bergegar di atas kepala
Hati orang gementar, apabila keriang dan kesedihan
Meluap-luap dan menggelegak di dada kita
Seorang wanita yang beruban menangis teresak-esak di atas kapal
Seorang pemuda berbisik-bisik di sebelahnya
Ibu sedang mengucapkan selamat jalan kepada anak kandungnya
Atau anak lelaki mengucapkan selamat jalan
Kepada ibunya yang pergi ke tempat jauh (S11)

Dalam sajak ini, penyajak sengaja menyusun setiap baris ayat itu dengan teratur. Setiap empat baris itu tergolong dalam satu rangkap dan berirama empat. Dalam rangkap pertama, perkataan-perkataan seperti gementar, perasaan yang membara dan menggelegak telah digunakan untuk menunjukkan saat itu merupakan saat perpisahan. Dalam rangkap kedua, perkataan-perkataan yang sedih, seperti menangis, berbisik, berpisah dan pergi ke tempat jauh telah digunakan untuk menggambarkan suatu suasana yang nadanya rendah. Ini telah menjadikan perasaannya bergelora. Kedua-dua rangkap yang berbeza ini menguatkan suasana kesedihan perpisahan. Ini adalah kerana semboyan kapal telah berbunyi. Suara

memujuk supaya bertolak telah menjadi semakin kuat. Dalam pendahuluan Wu An, gaya penyampaian ini sebenarnya terpengaruh oleh bentuk sajak moden yang berirama seperti yang dianjurkan oleh He Qifang 何其芳. Ini jelas menunjukkan bahawa bentuk sajak moden yang berirama ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap penyajak Cina Sarawak.

Walaupun Sastera Cina Sarawak bermula pada hujung 30-an dan awal 40-an, tetapi sebenarnya penulis hanya mula aktif dalam penulisan pada awal tahun 50-an. Mereka masih belum dapat menguasai bentuk baru Sastera Moden Cina. Biasanya penyajak meniru gaya penyampaian para penulis 4 Mei secara langsung. Akan tetapi, hasil karya 4 Mei juga masih berada dalam peringkat percubaan. Oleh itu, ayat dalam sajak kebanyakannya bercorak prosa yang mudah difahami. Mutu hasil karya sedemikian pasti jauh dari memuaskan.

7.5 Perwatakan

Perwatakan dalam hasil karya kesusasteraan berhubung rapat dengan persekitaran zamannya. Ini bermaksud latar belakang masyarakat itu memainkan peranan yang penting dalam pembentukan personaliti seseorang.

7.5.1 Golongan Cendekiawan

Pada zaman 50an dan 60-an, golongan muda yang dianggap maju kebanyakannya merupakan golongan intelek. Mereka memainkan peranan sebagai pengajar. Mereka cuba mempengaruhi orang lain melalui amalan diri. Cendekiawan muda sangat prihatin terhadap aliran pemikiran yang baru. Mereka mengejar

kebebasan, kebahagiaan dan melibatkan diri dalam kegiatan sosial. Misalnya dalam novel Fan Min yang berjudul “Guxiang de ye” (F15), watak utamanya Zhi Ming 志明, telah dihantar balik ke negara China kerana tercebur dalam kegiatan revolusi. Anak lelaki kepada Chen Dongtian 陈栋天 iaitu Xinming 辛明 juga merupakan seorang pemuda yang bergiat dalam bidang politik. Mereka telah ditangkap dan dibuang negeri tetapi mereka tetap tidak berganjak daripada cita-cita asalnya. Ini menampakkan semangat ceka hati para pemuda ini. Walaupun mereka telah dihapus dan dimusnahkan, tetapi semangat perjuangan mereka telah disebarkan melalui hasil karya kesusasteraan.

Golongan intelek seperti yang tergambar dalam hasil karya selain mencerminkan sifat revolusi dan kritikan juga menekankan aspek membina. Misalnya dalam drama Wei Meng yang berjudul “Lu” 路 (Jalan) (D4) dikisahkan pemuda yang maju itu tahan lasak, berdikari, menyahut seruan kerajaan untuk menerokai rancangan tanah kerajaan, malahan menggalakkan lebih ramai pemuda menyertai mereka.

7.5.2 Golongan Wanita

Antara perwatakan wanita, Lu Suying, watak utama dalam novel “Lu Suying” yang dicipta oleh Wei Meng, adalah paling popular. Dia melambangkan wanita yang matang dan rasional. Dia melepaskan diri daripada belenggu keluarga untuk mencari kebahagiaan diri dengan melanjutkan pelajaran di tempat lain. Akhirnya, walaupun dia memutuskan cintanya dengan Li Kexin, tetapi dia tidak dihantui perasaan sedih. Sebaliknya dia hendak berkhidmat di desa sebagai seorang guru di samping

mengambil bahagian yang aktif dalam segala aktiviti.

Novel Fanming yang berjudul “Guxiang de ye” (F15) pula melukiskan watak ibu dan Cik Hui 蕙姑娘 sebagai wanita yang berani. Ibu itu bersikap tradisional dan bersifat lemah. Akan tetapi, kelemahan ini hilang sama sekali apabila anaknya menyertai kegiatan revolusi. Dia telah menjadi seorang yang bertabah hati. Cik Hui juga merupakan seorang wanita yang mempunyai ketabahan hati yang kuat. Walaupun Zhi Ming telah ditangkap dan dibuang negeri, dia tidak pernah berputus asa.

7.5.3 Orang Tua

Orang tua melambangkan sebagai golongan kolot dan ketinggalan zaman dalam karya kesusasteraan. Misalnya Pak cik Huang dalam novel “Shancun jishi” 山村纪事 (Catatan Peristiwa di Kampung) (F5) memukul anak perempuannya kerana anaknya memberi pertolongan dalam pekerjaan. Chen Dongtian seperti yang tergambar dalam novel yang berjudul “Chen Dongtian” (F14) juga merupakan seorang yang memegang kuat pada tabiat buruk yang diamalkan dalam masyarakat kuno. Mujurnya dia belajar daripada pengajaran pahit dan insaf bahawa perbuatannya begitu keji. Akhirnya dia membuang tabiat menghisap candu dan mula menempuh suatu kehidupan yang sihat. Tenaga penggerakanya berpunca daripada nasihat sekumpulan pemuda yang murah hati. Demikian juga dengan Pak cik Huang yang mula memahami kesilapan diri atas nasihat dan galakan orang muda.

7.5.4 Golongan Pekerja

Golongan pekerja merupakan golongan yang miskin dan hidup menderita

akibat kekurangan pengetahuan pertanian yang moden dan terkongkong oleh persekitaran luar. Mereka tidak ada saluran untuk meluahkan segala rasa tidak puas hati dan bantahan. Hanya setelah mereka diberi tunjuk ajar oleh para pemuda barulah dapat mereka membebaskan diri daripada penderitaan.

Selain itu, para penulis juga menunjukkan sanjungan tinggi terhadap golongan pekerja dan simpati terhadap kesengsaraan mereka. Prosa Xiao Nongren 小农人 yang berjudul “Xiaoquan de bing” 小全的病 (Penyakit Xiao Quan) (P24) menggambarkan ayah, iaitu Yang Erbo 杨二伯, dan anaknya yang bernama Yang Xiaoquan 杨小全 sebagai orang miskin yang berkebun di kampung. Dalam prosa ini dikisahkan kebimbangan Yang Erbo terhadap penyakit anaknya. Dia juga merupakan seorang pekerja yang membanting tulang untuk mencari rezeki. Kemiskinan dan penyakit merupakan punca kesengsaraan utama para pekerja.

Sifat pemuda yang tabah, cekal hati, kepahitan hidup dan kejujuran golongan pekerja merupakan contoh watak yang suka digambarkan oleh penulis melalui penggambaran watak dari segi kelakuan luarannya. Tujuannya adalah untuk menimbulkan rasa simpati dan bantahan para pembaca terhadap nasib malang mereka.

7.6 Berunsur Tempatan

Hasil karya Sastera Cina Sarawak pada tahun 50-an penuh dengan unsur tempatan. Tanah Sarawak begitu subur. Pemandangannya indah dan cuacanya sesuai, terutamanya tebing Sungai Rejang yang pernah menyuburkan beribu-ribu nyawa. Oleh itu, apa yang dicerminkan dalam hasil karya kesusasteraan mereka ialah kampung, bukit dan sungai serta keharuman alam dan kampung. Bahan penulisan para penulis

berlatar belakang masyarakat Sarawak. Karya-karya mengisahkan tentang hal-hal orang tempatan, objek dan kisah tempatan. Penggambaran pemandangan dan objek hanya boleh berlaku di Sarawak yang mempunyai ruang masa dan udara. Misalnya “Cunju sanji” 村居散记 (Catatan di Kampung) oleh Shan Ren 山人:

Orang dalam pondok sedang bergerak-gerak. Mereka membawa pelbagai alat. Di kepala mereka diikat sebuah lampu minyak tanah. Sesetengah orang berjalan kaku, sesetengah orang menunggang basikal ke atas bukit untuk menoreh getah. Mereka mula bekerja sepanjang hari. Anjing di kampung sedang menyalak di luar menggegarkan tanah besar yang merah ini. (P25)

Perenggan ini mengisahkan kehidupan kampung di Sarawak. Para penoreh getah mula bekerja pada waktu pagi. Keadaan ini hanya dapat dilihat di kampung. Demikian juga dalam prosa Tian Ning yang berjudul “Zuguo de tudi-lutu huiyu” (Tanah air—Kenangan Sepanjang Perjalanan):

Laut yang biru, laut yang meluas, Ah, betapa agungnya laut itu. Gelombang sedang menyanyi, sedang bermain. Nelayan Malanao membengkokkan badan ke arah pangkuannya dan menebarkan jalanya dengan tenang……kehidupan sepanjang hari bermula daripada penarikan jalanya dari laut. (P26)

Perenggan ini menggambarkan kehidupan bumiputera yang sedang menangkap ikan di Sungai Rejang. Mereka bergantung kepada sungai ini untuk mencari rezeki dan pertumbuhan. Air sungai mengalir perlahan-lahan. Sungai Rejang kelihatan tenang di permukaannya tetapi nyawanya panjang dan lama. Penulis bukan sahaja mengisahkan kehidupan dan kegembiraan Sungai Rejang tetapi juga mencerminkan perasaan mendalam terhadap kampungnya. Perasaan dan unsur tempatan dikait rapat. Dalam sesetengah sajak juga terdapat penggambaran terhadap Sarawak. Misalnya dalam sajak

Wu Tao 吴韬 yang berjudul “Wo shi shalaoyue ren” 我是砂劳越人 (Aku adalah Penduduk Sarawak)

Aku adalah penduduk Sarawak

Aku dibesarkan di sini

Ia merupakan ibuku yang pernah mengasuhku

Di tanah semula jadi yang subur

Terdapat khazanah yang tidak terbilang

Bukit yang tinggi dan lembah yang rendah

Kawasan pamah yang cantik, tanah yang subur dan terbentang luas

Ladang getah yang meluas di pinggir jalan

Sarawak -- ia telah menyuburiku

Keperibadian yang kuat, roh yang indah

Aku sedang meniup seruling yang nadanya rendah

Menyebabkannya bernafas dengan lebih ketat (S83)

Walaupun intonasi sajak ini mendatar sahaja, tetapi pada keseluruhannya mencerminkan cantuman antara ciri-ciri khas tanah dengan pandangannya. Penyajak menyanjung tinggi tentang kesuburan tanah dan keindahan pemandangannya. Tanah telah membentuk keperibadian penyajak yang romantik dan cekal. Selain itu, ia mengandungi perasaan yang mendalam terhadap kampung dan ia juga menggambarkan keunggulan tanah ini.